

12 AUG 1996  
LEAD Myanmar-Tiba  
PEMIMPIN MYANMAR DIBERI SAMBUTAN PERMAIDANI MERAH

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman Negara Kesatuan Myanmar (SLORC), Jen Than Shwe dan isterinya Puan Daw Kyaing Kyaing yang tiba di sini bagi memulakan lawatan lima hari diberi sambutan permaidani merah serta tembakan meriam 21 das di Medan Parlimen.

Ketibaan mereka disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah serta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sejurus tiba, lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan oleh Pancaragam Pusat Regimen Askar Melayu DiRaja (RAMD) terdiri daripada 40 anggota diketuai Lt Norman Kamaruddin.

Jen Than Shwe kemudian menerima tabik hormat daripada Mej Nor Azmi Abdul Karim yang mengetuai perbarisan kehormat terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota Batalion 1 RAMD sebelum memeriksa perbarisan kehormat itu.

Dr Mahathir kemudian memperkenalkan Jen Than Shwe kepada barisan menteri Kabinet Malaysia.

Jen Than Shwe dan isteri serta 48 anggota rombongan termasuk lapan menteri tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada kira-kira pukul 11 pagi.

Mereka disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan isteri Datin Endon Mahmood. Yang turut hadir ialah Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar yang juga Menteri Pengiring.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemudian membuat kunjungan hormat terhadap pemimpin Myanmar dan isterinya di Hotel Istana.

Jen Than Shwe dijadual mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri pada tengah hari dan menyaksikan penandatanganan beberapa perjanjian.

Malam ini, Jen Than Shwe dan isterinya dijadual menghadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di Istana Negara dan menghadiri jamuan negara.

Pemimpin Myanmar itu dijadual melawat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang dan kilang Proton di Shah Alam, dan menghadiri taklimat di Unit Perancang Ekonomi.

Isterinya akan mempunyai program berasingan, dan antara lain melawat Muzium Negara dan Pasar Budaya.

Jen Than Shwe dan isterinya akan berlepas ke Pulau Pinang pada hari Rabu dan dijadual mengunjungi Yang Dipertua Negeri Tun Hamdan Sheikh Tahir dan isteri Toh Puan Hajah Siti Zainab.

Beliau dijadual melawat kilang Sony Electronics (M) Sdn Bhd di Taman Perindustrian Prai dan sebuah tokong Buddha, dan menghadiri taklimat di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Penang Port Sdn Bhd.

Jen Than Shwe dan isterinya akan berlepas pulang ke Myanmar dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas pada hari Jumaat.

-- BERNAMA

AKT AKD